



15 NOV, 2022

SCENIC anjur program Makerspace Kick Start setiap 13 November

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2



LANCAR: Zainuddin ketika melancarkan program Makerspace Kick Start di SCENIC kelmarin.

SCENIC anjur program Makerspace Kick Start setiap 13 November

KOTA KINABALU: Pusat Inovasi dan Ekonomi Kreatif Sabah (SCENIC) akan menganjurkan program Makerspace Kick Start pada setiap 13 November.

Makerspace ialah tempat di mana orang ramai berkongsi minat, khususnya dalam komputer atau teknologi, boleh bekerja dalam projek sambil berkongsi idea, peralatan dan pengetahuan.

Terdapat lebih 10 sekolah yang mengambil bahagian dalam program itu yang diadakan di bangunan SCENIC, di sini.

Acara dua hari itu, yang bermula semalam adalah kolaboratif di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) dengan SCENIC.

Program berkenaan menyaksikan pembangun Makerspace belajar mengenai cetakan 3D, potongan laser, bagaimana untuk mengendalikan mesin CNC dan gabungan besi daripada jurulatih pakar.

Setiausaha Tetap KSTI, Datuk Zainuddin Aman, berkata program itu sangat inklusif kerana membabitkan ekosistem STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) daripada kerajaan, korporat, pemain industri dan komuniti tanpa ada sesiapa yang dipinggirkan.

“Kementerian percaya dengan teknologi menjadi lebih maju, ia diharap pelajar dapat menyesuaikan diri dengan pembangunan semasa dengan menguasai kemahiran seperti cetakan 3D, ‘coding’

dan robotik.

“Kita tidak mahu melahirkan pelajar yang ‘luddite’, dalam perkataan lain seseorang yang menentang teknologi baharu.

“Kita percaya masih ada yang berfikir dalam cara ini dan kita mesti melawannya. Ini mandat KSTI untuk memandu dan melahirkan lebih ramai pakar teknologi daripada akar umbi,” katanya.

Pakar Technology and Innovation (T&I) Program SCENIC, Nur Suhailah Mohamad berkata pusat berkenaan berharap aktiviti berkaitan ‘makerspace’ dapat menggalakkan generasi masa kini menjadi ‘pembuat’ dan meneroka keseronokan mencipta inovasi dan bersedia ke arah revolusi industri 4.0.

Selain itu, katanya program itu juga boleh menyediakan peluang kepada komuniti untuk mengambil tahu dan mencuba fasiliti berkenaan.

Sementara itu, guru SMJK Chung Hwa, Tenom, Anuthra Sirisena, berkata pelajarinya dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4 terbabit secara aktif dalam program seumpama itu.

Perintis Pusat Inovasi Tenom yang juga pemenang Malaysia Teacher Prize 2022 itu turut berkata enam daripada 12 pelajarinya menyertai acara berkenaan untuk kali pertama.

“Manakala yang lain sentiasa terdedah kepada pelbagai peluang seperti acara ini,” katanya.



15 NOV, 2022

SCENIC anjur program Makerspace Kick Start setiap 13 November

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

LANCAR: Zainuddin ketika melancarkan program Makerspace Kitk Start di SCENIC kelmarin.

KOTA KINABALU: Pusat Inovasi dan Ekonomi Kreatif Sabah (SCENIC) akan menganjurkan program Makerspace Kick Start pada setiap 13 November. Makerspace ialah tempat di mana orang ramai berkongsi minat, khususnya dalam komputer atau teknologi, boleh bekerja dalam projek sambil berkongsi idea, peralatan dan pengetahuan.